

Ahli politik jadi ikutan

Sokongan terbuka dilontar boleh pengaruhi pengikut perjuang aktiviti keganasan

Oleh Khairul Najib
Asarulah Khan
khairul.najib@ns-
tp.com.my

Serdang

Sokongan secara terbuka ditonjolkan segelintir pihak termasuk ahli politik terhadap kumpulan pengganas dibimbangi mampu menggugat keharmonian negara.

Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM), Dr Azharudin Mohamed Dali berkata, sikap seumpama itu boleh menyebabkan pengikut mereka turut menyatakan sokongan terhadap kumpulan itu.

Katanya, populariti ahli politik kini semakin meluas di mana mereka mempunyai pengaruh tersendiri.

“Apabila mereka secara langsung terbabit dengan kumpulan (pengganas) itu dibimbangi pengikut mereka juga akan turut sama memperjuangkan kumpulan berkenaan.



DARI kiri, Dr Mohd Izani, Dr Amini, Dr Azharudin, Dr Ahmad dan Dr Shamrahyu ketika wacana di UPM, semalam.



Dibimbangi pengikut mereka juga akan turut sama memperjuangkan kumpulan berkenaan”

Dr Azharudin

“Tidak salah jika kita sekadar bersimpati terhadap nasib golongan etnik tertentu atau mereka yang tertindas.

“Namun apabila kita menunjukkan kerjasama atau sokongan terhadap kumpulan ekstremis, ia berbahaya terutama apabila pihak berkuasa mengambil tindakan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Wacana Intelektual Keganasan dan Ancaman Keselamatan Negara: Bersemediakah Kita? di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Program itu dipengerusikan Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia UPM Profesor Madya Dr Mohd

Izani Mohd Zain.

Ia membariskan ahli panel seperti Pensyarah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Dr Shamrahyu Abd Aziz, Pensyarah Sains Politik dan Pengajian Islam UIAM, Dr Ahmad El-Muhammady, Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia UPM, Prof Dr Amini Amir Abdullah dan Azharudin.

Mengulas lanjut, Azharudin berkata, jika ada unsur pembabitan seseorang individu ke arah kumpulan keganasan, ia perlu dibendung sepenuhnya dengan segera bagi mengelak berlaku ancaman kepada negara.

“Jadi biarlah pihak berkuasa (polis) menjalankan tanggungjawab mereka kerana setiap tindakan dilakukan pasti berlandaskan undang-undang sedia ada.

“Jangan sampai negara kita kelak wujud pengebom berani mati baru tindakan diambil,” katanya.